

## **TEKS UCAPAN**

**Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis  
Brig. Jen. Dato' Prof Dr Kamarudin Hussin,  
Sempena MoU Bersama KOPERTIS, Indonesia  
Pada 29 Julai 2011**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera

Yang Berbahagia, Prof. Ir. Dr. Moehammed Nawawiy Loebis,  
Koordinator, Koordinasi Perguruan Tinggi Swasta Wilayah I,  
Nanggroe Aceh Darussalam – Sumatera Utara (KOPERTIS),

Yang Berusaha Prof Madya Prof. Madya Dr. Syaharom bin  
Abdullah, Dekan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, UniMAP

Wakil-wakil dari KOPERTIS,

Ketua-ketua Jabatan dan staf UniMAP,

Wakil-wakil Media serta Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya  
hormati sekalian,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T di atas rahmat dan inayahNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini dalam satu suasana yang pastinya sangat bermakna buat kita semua dalam majlis Menadatangani Memorandum Persefahaman antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Koordinasi Perguruan Tinggi Swasta Wilayah I, Nanggroe Aceh Darussalam – Sumatera Utara (KOPERTIS).

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada pihak KOPERTIS di atas persetujuan menjalinkan kerjasama dengan UniMAP. Semoga kerjasama yang dijalankan ini akan mendatangkan pelbagai faedah kepada kedua-dua pihak.

Hadirin sekalian,

Dalam menjadikan UniMAP sebagai sebuah institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa dan mempunyai keterlihatan antarabangsa yang menyerlah pada tahun 2015, banyak inisiatif telah dilaksanakan. Salah satu inisiatif ialah mempergiatkan usaha pengantarabangsaan dengan mengadakan MoU dan MoA dengan institusi akademik dan organisasi antarabangsa yang dapat membantu UniMAP untuk mencapai visi universiti.

Selain dari itu, UniMAP juga giat memasarkan kepakaran dan produk *indigenous* kepada dunia di luar UniMAP seperti sistem ICT yang canggih, green house, clean room, kilang mengajar serta pelbagai lagi.

Saya difahamkan semasa lawatan KOPERTIS ke UniMAP pada bulan Mei lalu, beberapa projek kerjasama telah dikenalpasti, antaranya menawarkan peluang kepada staf-staf di **350** buah institusi akademik tinggi di bawah naungan Koordinasi Perguruan Tinggi Swasta Wilayah I Nangroe Ache Darussalam dan Sumatera Utara (KOPERTIS).

Selain itu kerjasama ini juga akan melibatkan program pertukaran pelajar dan staf serta pengajuran bengkel dan latihan untuk mempertingkatkan kemahiran. Program-program yang bakal dilaksanakan dilihat sebagai satu landasan yang sangat baik kepada kedua-dua pihak UniMAP - KOPERTIS untuk terus bekerjasama mempergiatkan lagi aktiviti pengantarabangsaan kita.

Sementara itu, bagi mempromosikan serta memperkenalkan program akademik dan produk UniMAP satu seminar akan diadakan selepas ini bagi membincangkan lebih terperinci mengenai peluang Pengajian Pasca Siswazah di UniMAP, Prasarana ICT, Pusat Pengajian Kejuruteraan UniMAP melibatkan program akademik dan kepakaran yang dimiliki.

Ini secara tidak langsung memberi peluang kepada ahli KOPERTIS untuk mengenali UniMAP dengan lebih dekat lagi. Sebarang keraguan dan pertanyaan bolehlah disoal semasa seminar tersebut berlangsung.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Akhir kata sekali lagi saya bagi pihak UniMAP ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak KOPERTIS di atas kesudian menjalinkan hubungan kerjasama dengan UniMAP. Saya berharap dengan jalinan yang ada ini pelbagai program dapat dilaksanakan dan membuktikan yang ia bukan sekadar di atas kertas tetapi direalisasikan. Gunalah peluang ini dengan sebaik mungkin dalam memacu institusi kita, agar dikenali di persada dunia dan pelbagai kejayaan mampu dicapai sekiranya kita saling berkongsi pandangan dan kepakaran.

**Merentasi Lautan Mencari Gandingan,  
Gandingan Dicari Pelbagai Bangsa,  
UniMAP – KOPERTIS Perluas Jaringan,  
Memacu Institusi Ke Persada Antarabangsa,**

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh